



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Putrajaya – Program Jom Makan Buah akan diadakan di Putrajaya pada 25 dan 26 Julai 2009 bagi memberi peluang kepada pengunjung menikmati buah-buahan tempatan yang segar serta berkualiti pada harga yang berpatutan.

Program yang bertepatan dengan objektif Taman Warisan Pertanian untuk menjadi medan utama bagi mempromosi serta memasarkan buah-buahan tempatan di Putrajaya, turut membantu usahawan di bawah bimbingan FAMA mempromosi serta menjual buah-buahan tempatan.

Program Jom Makan Buah merupakan acara tahunan sejak tahun 2005 dan adalah anjuran bersama Perbadanan Putrajaya dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Turut diadakan ialah program Agro Bazaar yang menawarkan pelbagai jenis jualan seperti tanaman bunga, tanaman landskap, tanaman herba serta pelbagai produk berasaskan pertanian.

Selain daripada menawarkan buah-buahan tempatan yang segar serta berkualiti, tema program "Pilih, Bayar dan Makan" mengajak pengunjung memilih dan membeli buah-buahan, dan seterusnya ke tempat makan yang disediakan untuk menikmati buah-buahan pilihan mereka.

Pihak FAMA akan membekalkan buah-buahan tempatan seperti durian, manggis, rambutan, mangga, duku dan langsung dari Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Pahang dan Perak untuk dijual pada harga yang lebih rendah berbanding dengan harga pasaran.

Untuk maklumat lanjut berhubung program Jom Makan Buah, sila hubungi En Sahiful atau Cik Jasimah di talian 03-88880099.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: **23** Julai 2009

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA
-Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013